

SAJAK KIJANG YANG LELAH

Isi ruangan kosong maksud rangkap dengan pilihan jawapan yang disediakan.

ketabahan	hutan	bermaharajalela	kesederhanaan
resah	rasional	perhatian	tua
tenteram	muda	tindakannya	nyaring

Rangkap 1 – Penyajak menyampaikan ceritera seekor kijang yang sebelum ini bersuara - _____ kini hilang kegagahannya. Sebelum itu, kijang tersebut masih bertenaga apabila hidup di tengah-tengah _____. Namun kini, kijang itu tidak bertenaga lagi untuk _____ di hutan rimba kerana lemah tenaganya melalui kehidupan hari tua di dalam hutan yang malar hijau.

Rangkap 2 – Apabila mengenangkan nasibnya yang makin hari makin _____, kijang itu berasa sedih. Selain itu, kijang yang berasa lara di dalam hati itu mula berasa _____ sekiranya dia akan mati tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, kijang itu tetap meneruskan sisa-sisa hidup tuanya dengan penuh harapan dan _____.

Rangkap 3 – Pada suatu hari, kijang tua itu cuba mempamerkan tenaganya sebagaimana waktu kijang itu _____ dulu. Kijang tua itu ingin mengisi sisa-sisa waktu yang ada dengan kerja yang bermanfaat walaupun berasa serik akan kepenatan yang dilaluinya pada usia tua. Namun begitu, kijang tua itu berasa bahawa hatinya tidak _____ pada setiap masa.

Rangkap 4 – Dalam usia yang sudah tua dan banyak pengalaman, kijang tua itu amat berhati-hati dalam setiap _____. Walaupun sedar bahawa kehadirannya di dalam hutan semakin tidak mendapat _____, kijang tua itu meneruskan perjalanan hidupnya. Di sebalik usia yang tua, kijang tua itu memiliki _____ dan tekad untuk meneruskan kehidupan dengan hemat dan _____ serta tidak takut akan sesiapa yang mencabarnya